



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
08 NOVEMBER 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Harian Metro

- Mengurus cerun di Ampang

N35,N36 dan N37



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 08 NOVEMBER 2017 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Mengurus cerun di Ampang
Muka Surat	N35,N36 dan N37



Nuansa


EDITOR BERSEKUTU (RENCANA): HUSAIN JAHTI

TEL: +1-300-22-6787 SAMB. 4791 FAKS: 03-20567083/7084

HM 8/11/2017
M/S N35

MENGURUS CERUN DI AMPANG

FOTO: Nurul Shafira Iemeron



Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Mukim Ampang di Selangor hanya kira-kira 11 kilometer (km) dari pusat bandar raya Kuala Lumpur.

Berkeluasan kira-kira 3,856 hektar dengan jumlah penduduk dianggarkan 800,000 orang, ia boleh diklasifikasikan sebagai kawasan padat penduduk.

Namun, ramai tidak mengetahui Ampang adalah satu kawasan yang mempunyai banyak cerun iaitu sebanyak 352 di 600 lokasi.

Daripada jumlah itu, 114 cerun dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Klang, Bukit Antarabangsa (103), Lembah Jaya (81) dan Teratai (54).

Manakala cerun di kawasan terbabit terbahagi kepada tiga jenis iaitu cerun semula jadi, buatan dan batuan.

Berdasarkan angka diberikan itu pastinya akan menimbulkan persoalan kepada umum mengapa terdapat banyak cerun di kawasan Ampang?

>N36&N37

DEDAH MENGENAI PENJAGAAN SUMBER AIR

FOTO: Ihsan Chemical Company of Malaysia Berhad



Mendidik remaja menjadi duta alam sekitar. Itu usaha murni dilakukan syarikat Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) menerusi tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dalam program Rakan Saintis Sungai (RSS).

Ia diadakan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2017 peringkat Perak dengan memberi pendedahan pembelajaran secara langsung mengenai pemuliharaan air kepada remaja.

Pada masa sama, meningkatkan kesedaran belia terhadap

pemuliharaan air demi melindungi dan menjaga sumber air serta pengurusan air kumbahan.

Program julung kali diadakan di Perak itu memberi peluang kepada 80 peserta yang juga pelajar sekolah menengah di Perak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar dan Politeknik Ungku Omar untuk menimba pengalaman berharga selain memahami kepentingan air daripada perspektif berbeza.

>N39

Hm mis N36
2/11/2017

- 1 CERUN buatan di Taman Bukit Utama, Ampang.
- 2 CERUN semula jadi di Taman Tunku Abdul Razak, Ampang.
- 3 CERUN buatan perlu dipantau dan diselenggara secara berkala bagi memastikan ia tidak mengalami sebarang kerosakan.
- 4 SETIAP cerun mempunyai nombor rujukan cerun untuk semakan pemantauan.
- 5 PAPAN tanda cerun dipasang bagi memudahkan penandaan kawasan berbahaya dan bagi tujuan penyelenggaraan.



116 DIKLASIFIKASI SANGAT BERBAHAYA

Terdapat cerun kritikal ditukar jadi kurang bahaya selepas pelaksanaan projek penstabilan

FOKUS

DARI MUKA N35

Difahamkan, sebelum ini Ampang menjadi bandar satelit bagi Kuala Lumpur yang menerima impak daripada kemajuan pesat berlaku di bandar raya berkenaan.

Oleh itu, banyak kawasan penempatan dibuka di Ampang berbanding pusat komersial bagi menampung permintaan tinggi untuk kediaman.

Memandangkan tanah rata di Ampang sudah tiada, kawasan tanah tinggi di situ terpaksa diteroka bagi tujuan berkenaan.


Pembangunan di kaki bukit dan bukit yang berlaku itu menjadi faktor kepada kewujudan serta pertambahan cerun di Ampang terutama cerun buatan.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Ir Zafrul Fazry Mohd Fauzi berkata, setakat ini hanya 352 cerun di



Untuk memastikan cerun dalam keadaan stabil, faktor kewujudan air dalam tanah perlu dikurangkan dengan sentiasa melaksanakan penyelenggaraan

ZAFRUL FAZRY



Ampang sudah dikenal pasti dan lazimnya cerun baharu terbentuk selepas satu projek pembangunan dilaksanakan.

"Cerun di sini (Ampang) dibahagikan kepada tiga pemilikan iaitu di bawah pengurusan MPAJ, individu dan pemaju serta kerajaan iaitu tanah rizab sekolah dan tanah yang belum diambil alih oleh agensi

berkaitan.

"Cerun paling banyak ialah di DUN Hulu Klang yang meliputi Taman Melawati hingga Ukay Perdana," katanya kepada Nuansa.

Beliau berkata, MPAJ mengklasifikasikan 116 cerun daripada keseluruhan 352 cerun di Ampang sebagai sangat berbahaya, 47 cerun bahaya dan 189

HM 9/11/2017
M/S N35, N36, N37



INFO

- Sebanyak 352 cerun Ampang di 600 lokasi.
- 114 cerun di DUN Hulu Klang.
- 103 cerun di DUN Bukit Antarabangsa
- 81 cerun di DUN Lembah Jaya
- 54 cerun di DUN Teratai.
- Ada tiga jenis cerun:

CERUN SEMULA JADI

Adalah cerun batuan atau tanah yang terbentuk hasil daripada proses semula jadi dan tidak diganggu aktiviti manusia. Lazimnya, cerun itu ditumbuhi pokok atau dari segi teknikalnya memerlukan FOS sekurang-kurangnya bacaan 1.3 mengikut kriteria Jabatan Kerja Raya (JKR).
Maknanya, pada bacaan 1, tahap keselamatan cerun itu rendah dan JKR meletakkan tanda aras 1.3 sebagai lebih selamat bagi cerun semula jadi.

CERUN BATUAN

Ia wujud kerana keperluan pembangunan serta pembinaan infrastruktur seperti jalan, longkang atau perparitan seperti lebuhraya. Cerun buatan perlu dipantau dan diselenggara secara berkala bagi memastikan ia tidak mengalami sebarang kerosakan.

CERUN BATUAN

Cerun batuan adalah cerun terbentuk dan didominasi oleh batuan asal semula jadi.



cerun kurang bahaya. Katanya, pihaknya sudah membuat pengukuhan atau penstabilan cerun menggunakan teknik 'wire netting' dan 'rock bolting' bagi mengukuhkan semula permukaan batu di lereng cerun batuan.

Zafrul Fazry berkata, satu kaedah dipanggil 'kinematic analysis' dijalankan bagi menganalisis potensi kegagalan cerun berkenaan sebelum faktor keselamatan (FOS) sesuatu cerun diperolehi.

Selain itu Zafrul Fazry menjelaskan, sebelum ini terdapat cerun kritikal di kawasan Ampang, namun selepas melaksanakan beberapa projek penstabilan cerun, tahap cerun terbabit dapat ditingkatkan kepada kurang bahaya.

"Projek ini membabitkan kos RM30 juta yang

dilaksanakan sejak 2012 hingga kini menggunakan peruntukan daripada kerajaan negeri dan MPAJ. "Antara lokasi projek terbabit (penstabilan cerun) ialah di Bukit Antarabangsa, Taman Bukit Permai dan Lembah Jaya," katanya.

Ditanya bagaimana cerun boleh menjadi bahaya, beliau berkata, ia berpunca daripada air dan 'soil properties' antara faktor utama menentukan kestabilan cerun.

"Untuk memastikan cerun dalam keadaan stabil, faktor kewujudan air dalam tanah perlu dikurangkan dengan sentiasa melaksanakan penyelenggaraan.

"Penyelenggaraan merangkumi kerja pembersihan saluran longkang di kawasan cerun, membuang pokok liar dan

mengetahui tanda awal kegagalan cerun," katanya.

Menurutnya, MPAJ mengeluarkan Buku Panduan Penyelenggaraan Cerun untuk Orang Awam pada 2011 apabila buku berkenaan membantu orang ramai mengenal pasti tanda awal kegagalan cerun.

"Antaranya halangan di dalam saluran cerun, saluran longkang rosak, keretakan pada cerun atau tembok penahan, lubang leleh dan paip saluran tersumbat.

"Tumbuhan pada celahan tembok retak, permukaan cerun terdedah, kerosakan pada tembok penahan, batuan longgar atau sisa runtuh cerun, paip air bocor di kawasan cerun dan struktur besi berkarat serta rosak juga dikaitkan dengan tanda awal kegagalan cerun," katanya.

Zafrul Fazry berkata,

susulan kejadian tanah runtuh bukit antarabangsa pada 2008, kerajaan negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor memperkenalkan satu garis panduan iaitu Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi 2010.

"Dalam garis panduan ini, pemeja diwajibkan mengikut garis panduan dan pembangunan di tanah tinggi di Selangor ditetapkan yang setiap pembangunan perlu mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar.

"Jawatankuasa ini akan mengulas mengenai pembangunan yang bakal dilaksanakan dan kaitannya dengan alam sekitar terutama cerun," katanya.

6 TEKNIK 'wire netting' dan 'rock bolting' bagi mengukuhkan semula permukaan batu di lereng cerun batuan.

7 PAPAN tanda jadual penyelenggaraan cerun.

8 KAKITANGAN Jabatan Kejuruteraan MPAJ membuat pemantauan cerun.

9 KAKITANGAN Jabatan Kejuruteraan MPAJ memeriksa cerun rosak.